

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

8. Dalam usaha memperkasakan pendidikan negeri, adakah Kerajaan Negeri bercadang memberi pengiktirafan dalam segala bentuk termasuk sumbangan kewangan kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Pulau Pinang?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri telah lama memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pengiktirafan ini berbentuk sumbangan insentif kewangan sebanyak RM500 untuk pelajar SPM dan RM1,000 untuk pelajar STPM. Setiap tahun pelajar-pelajar ini diraikan di dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM peringkat Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, majlis ini terpaksa ditunda atau dibatalkan penganjurannya pada tahun 2020 ini memandangkan berlakunya penularan virus COVID-19 di mana kerajaan telah memutuskan agar semua perhimpunan termasuk majlis, mesyuarat antarabangsa, acara sukan, sosial dan keagamaan ditangguhkan atau dibatalkan mengikut kesesuaian sehingga 30 April 2020. Keputusan ini akan diteliti semula sekiranya situasi COVID-19 bertambah baik.